

Lindungi perdagangan adil di dunia

China perlu giat blok ekonomi

Oleh HAW TIAN SOO

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia berpendapat China harus memainkan tanggungjawab penting dalam penubuhan blok ekonomi bagi rantau Asia Pasifik bagi melindungi perdagangan adil di seluruh dunia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Malaysia berpendapat, demi mewujudkan pembangunan ekonomi yang seimbang di seluruh dunia, negara Asia Pasifik perlu mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan pasaran supaya satu blok ekonomi dapat diwujudkan bagi mengimbangi kesan blok ekonomi yang lain.

"Malaysia tidak bersetuju dengan pengwujudan blok ekonomi tetapi kenyataannya banyak negara maju di Barat sudahpun membentuk blok ekonomi dan menggunakan kekuatan ekonomi itu untuk menyekat perdagangan yang adil dan bebas," katanya ketika berucap di majlis makan malam meraikan lawatan rasmi Perdana Menteri China, Li Peng, selama empat hari ke negara ini yang bermula hari ini.

Beliau berkata, kecenderungan yang ti-

dak sihat bagi mendirikan blok ekonomi wujud di sebalik perkembangan menggagalkan dalam bidang perhubungan politik antarabangsa.

Katanya, selain penyatuan Pasaran Eropah, Amerika Syarikat sudah menggabungkan pasarnya dengan Kanada dan Mexico.

"Usaha juga sedang dibuat oleh Amerika Syarikat untuk menarik semua negara Amerika Latin dan tengah supaya wujud perhubungan ekonomi yang lebih erat bagi seluruh Amerika Utara dan Selatan," katanya.

Menurutnya, selain penyatuan Jerman, ada kemungkinan negara Eropah Timur menyertai Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) tidak lama lagi.

Pihak Barat, katanya sering mengam-bil pelbagai tindakan jika wujud tanda negara Timur akan mencapai taraf negara maju.

Perdana Menteri berkata, sungguhpun China bukan satu daripada enam rakan dialog Asean, ekonomi negara itu mempunyai potensi untuk berkembang menjadi ekonomi yang kuat dan kemungkinan China menjadi rakan dialog Asean di masa akan datang adalah cerah.

Mengenai hubungan Malaysia — China, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata keyakinan Malaysia terhadap China yang patuh kepada Kelima-lima Prinsip Hidup Bersama dalam hubungan antarabangsa adalah jelas melalui langkah yang diambil oleh negara ini bagi mempereratkan lagi hubungan mereka.

Katanya, kesungguhan itu dibuktikan melalui lawatan beliau ke China pada 1985 dan lawatan bersejarah bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak untuk menandatangani Kenyataan Bersama bagi menjalin hubungan diplomatik kedua negara 16 tahun dulu.

"Lima bulan lalu, Malaysia membatalkan sekatan terhadap rakyat Malaysia yang ingin melawat China," katanya.

Beliau berkata, dalam tempoh lima tahun lalu, melalui persetujuan bersama kedua-dua negara, kita menyediakan satu rangka kerja bagi meningkatkan lagi hubungan perdagangan.

Sehingga ini, pelabur Malaysia dan syarikat perbadanan China mempunyai 13 projek usahasama yang bernilai AS\$500 juta di China manakala di Malaysia ada tujuh projek usahasama seumpama itu sudah diluluskan.